

BN amat fobia dengan nama Anwar

Free Malaysia Today

19 March 2014

Oleh FMT Staff

KAJANG: Kerajaan Barisan Nasional (BN) amat fobia dengan nama Datuk Seri Anwar Ibrahim. Bukan sahaja beliau disekat bertanding dalam PRK Kajang, malah plak perasmian sebuah sekolah di Kajang yang tertera namanya turut ditutup.

Ia merupakan permainan politik kotor BN memadamkan jasa Anwar dalam sejarah pembangunan pendidikan negara.

Plak perasmian yang tertera nama dan tandatangan Anwar yang kini merupakan Penasihat PKR, di sebuah sekolah di Kajang pernah ditutup supaya tidak dapat dilihat pelajar sekolah terbabit.

Sekolah rendah yang mula dibuka pada 1987 itu dirasmikan Anwar ketika beliau menjadi Menteri Pelajaran.

Bagaimanapun, selepas guru besar sekolah berkenaan bertukar, plak perasmian itu dibuka semula untuk tatapan pelajar sekolah itu.

Perkara itu diberitahu salah seorang guru sekolah berkenaan kepada calon PKR, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail yang mengambil kesempatan bertemu ibu bapa pelajar di luar sekolah terbabit.

“Guru besar dahulu tutup plak perasmian tetapi bila tukar baru, plak itu dibuka semula. Plak itu dibuka bukan sebab sokongan kepada pihak tertentu atau berunsur politik tetapi disebabkan itu adalah sejarah sekolah kami,” katanya yang enggan mendedahkan nama.

Sejak Pakatan Rakyat (PR) mengambil alih pentadbiran kerajaan negeri pada 2008, kerajaan pusat mula melaksanakan pelbagai ‘arahan tidak rasmi’ kepada pejabat kerajaan di negeri itu termasuk di sekolah seluruh Selangor.

Antara ‘arahan tidak rasmi’ itu termasuk tidak membenarkan pejabat kerajaan menggantung gambar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim sebagai Menteri Besar Selangor sebaris dengan gambar DYMM Sultan Selangor, perdana menteri dan menteri berkenaan seperti amalan protokol sebelumnya.

‘Arahan tidak rasmi’ itu bukan sahaja dilihat bertentangan dengan keputusan rakyat Selangor yang memilih PR dalam dua pilihan raya umum terakhir, bahkan turut tidak menghormati dan membelakangkan institusi DiRaja Selangor yang mengiktiraf dan melantik Abdul Khalid sebagai Menteri Besar yang sah.

Sementara itu, Wan Azizah yang menyedari tentang larangan berkempen di dalam kawasan sekolah, beliau memilih untuk bertemu ibu bapa pelajar di pondok bas di luar pagar sekolah.

Ironiknya, sekolah terbabit, Sekolah Kebangsaan Sungai Kantan sebenarnya adalah sekolah yang

pernah dirasmikan suami beliau sendiri ketika menganggotai kerajaan persekutuan.

Menariknya, kehadiran beliau di pondok bas yang terletak sebelah luar pintu utama sekolah, bukan sahaja menarik perhatian ibu bapa yang sibuk menghantar dan mengambil anak masing-masing, bahkan turut menarik perhatian sekumpulan tiga hingga lima guru sekolah berkenaan.

Enggan melepaskan peluang bertemu Wan Azizah, kumpulan guru terbabit dilihat secara curi-curi sempat menghampiri ke pagar berhampiran untuk bertemu dan bersalaman dengan Presiden PKR itu.

Kumpulan guru terbabit yang kelihatan teruja juga sempat memberi kata-kata perangsang kepada Wan Azizah yang menjalankan kempen PRK sekitar Sungai Kantan.

Selepas pentadbiran Kerajaan Negeri bertukar tangan kepada PR, kerajaan pusat bertindak menghalang menteri besar dan pemimpin negeri PR mengadakan program di dalam kawasan sekolah di negeri itu.

Larangan tersebut turut meliputi program yang boleh memberi manfaat kepada pelajar dan warga guru.

Menteri Besar, Abdul Khalid Ibrahim sebelum ini turut pernah dihalang untuk menyampaikan wang sumbangan kepada sebuah sekolah di Selangor.

Bagaimanapun larangan itu tidak terpakai kepada BN apabila pemimpin mereka kerap masuk ke sekolah bagi memenuhi keperluan politik mereka.

Copyright © 2013 – Free Malaysia Today

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/03/19/bn-amat-phobia-dengan-nama-anwar/>